

AGAMA TIRUAN

Penulis rencana ini ialah seorang ahli persuratan Mesir yang terkemuka. Bahkan beliau baharu sahaja bersara daripada jawatan sebagai mahaguru dalam Kolej Persuratan di Universiti Mesir (Al-Jamā'ah Al-Miṣriyyah) jemputlah pembaca-pembaca menyemak rencana yang kita salinkan di bawah ini.

oleh Dr Ahmad Amin

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara sutera asli dengan sutera tiruan?

“Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara singa dengan gambar singa?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara dunia sebagaimana halnya yang sebenar dengan dunia yang terlukis di atas peta?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara amal perbuatan tuan pada masa jaga dengan perbuatan tuan pada masa tidur?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara “api” yang menyala-nyala di hadapan tuan dan membakar habis segala yang ditaruhkan ke dalamnya, dengan “perkataan api” yang tuan sebut dan tuturkan dengan tidak mencederakan barang sedikit pun akan menyebutnya itu?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara seorang yang hidup bernyawa dan berjalan, dengan patung orang yang dibuat daripada batu dan diletakkan dalam *showcase* gudang-gudang perniagaan untuk menjadi tempat mengiklankan fesyen potongan baju?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara ibu yang sebenar-benarnya meratap kerana kehilangan anak jantung hatinya dengan seorang perempuan yang diupah untuk meratap itu? Dan adakah tuan mengetahui perbezaan di antara mata yang hitam cantik atau bercelak tabii dengan mata yang bercelak buatan?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara orang-orang yang hidup di atas muka bumi dengan manusia di atas layar putih?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara pedang

yang dipegang oleh seorang tentera perwira dengan tongkat yang dipegang oleh khatib Jumaat?

Adakah tuan mengetahui perbezaan di antara suara dengan gemanya?

Kalau tuan mengetahui perbezaan antara semuanya itu maka itulah dia perbezaan di antara agama yang benar dengan agama tiruan.

Penyelidik-penyalidik telah berpenat lelah menyelidik dan memeriksa demikian juga ahli-ahli sejarah telah bersusah payah membolak balikkan lembaran sejarah, kerana hendak mengetahui sebab yang kerananya orang-orang Islam dahulu dengan membawa perkara-perkara ajaib telah maju jadi dan menakluk serta menjadi tuan pada hal orang-orang Islam sekarang yang juga telah membawa perkara-perkara ajaib itu tetapi mereka jatuh ke bawah lemah dan hina. Penyelidik-penyalidik itu mencari dan memeriksa apakah sebabnya maka terjadi perbezaan seperti itu di antara orang-orang Islam dahulu dengan orang-orang Islam sekarang pada hal Quran yang ada dahulu, ada juga sekarang. Ajaran-ajaran Islam dahulu ialah juga ajaran-ajaranannya sekarang.

Dan “*Lā ilaha illa Allāh*” dahulu ialah “*Lā ilaha illa Allāh*” sekarang: Pendek kata segala-segala yang ada dahulu berkenaan Islam masih ada juga hingga hari ini.

Penyelidik-penyalidik dan ahli-ahli sejarah itu telah membawa berbagai-bagai ragam fikiran dan pandangan dan telah menempuh banyak jalan bagi mengetahui rahsia kejayaan orang-orang Islam dahulu dan kejatuhan orang-orang Islam pada zaman ini. Bagi

saya hanyalah menampak satu sebab sahaja bagi perbezaan itu, iaitu ialah perbezaan di antara agama yang benar dengan agama tiruan.

Agama tiruan ialah merupakan gerak geri dan tutur kata sahaja padahal yang benar ialah agama yang bersemangat dalam batin yang menggelegak.

Sembahyang dalam agama tiruan tidak lebih dan tidak kurang dari gerak tubuh dalam senaman, demikian juga Haji itu tidak lebih dari suatu pelayaran biasa dan pengembaraan kerana merehatkan badan. Pendeknya segala amal-amal ibadah dalam agama tiruan itu hanyalah sebagai lakonan di atas pentas bangsawan jua.

Kalimah “*Lā ilaha illa Allāh*” di dalam agama tiruan hanyalah merupakan seni kata yang indah, yang tidak mempunyai sesuatu tujuan yang tinggi. Tetapi kalimah tersebut di dalam agama yang benar adalah ia merupakan segala-galanya; bahkan kalimah itu adalah ibarat suatu pemberontakan atas ibadah kepada harta kekayaan. Ibadah kepada Sultan, ibadah kepada pangkat, ibadah kepada kemahuan hawa nafsu dan pemberontakan atas ibadah kepada segala yang disembah selain daripada Allah azzā wa jallā.

Kalimah “*Lā ilaha illa Allāh*” di dalam agama tiruan hanyalah memberi makna menundukkan kepala dan mengikut kemahuan tubuh badan, yang padan dengan kehinaan dan kerendahan. Pada halnya kalimah tersebut di dalam agama yang benar ialah maknanya kebenaran dan tidak sesuai melainkan dengan kebenaran jua.

Kalimah “*Lā ilaha illa Allāh*” di dalam agama tiruan hanyalah ibarat suatu perkataan yang hampa layang dibawa angin, tetapi di dalam agama yang benar adalah ia menggegar gunung.

Agama tiruan adalah hanya ibarat suatu kerja pertukangan tangan seperti tukang kayu dan tukang jahit yang seseorang itu boleh mahir di dalamnya dengan kerana kecerdasan dan latihan. Tetapi agama yang benar ialah semangat batin yang suci, dan akidah. Agama yang benar bukanlah ia suatu amal perbuatan, tetapi ia mendorong kepada segala amal perbuatan yang mulia lagi bermutu.

Agama yang benar itu adalah ibarat “Aksir” (atma jiwa).

Yang apabila ditiupkan kepada tubuh yang tidak bernyawa, nescaya hiduplah ia dan apabila ditiupkan kepada orang yang lemah nescaya kuatlah ia.

Agama yang benar itu ialah “batu sakti” ahli-ahli falsafah, yang apabila mereka letakkan atas tembaga atau perak atau timah, nescaya bertukar menjadi emas.

Agama yang benar ialah akidah yang menerbitkan mukjizat sehingga menjadikan ilmu pengetahuan, sejarah dan falsafah berdiri di hadapan tercengang tidak dapat memberi sebab-sebab bagaimanakah mukjizat itu boleh berlaku.

Agama yang benar ialah penawar yang apabila diminum sedikit daripadanya. Nescaya terhapuslah segala racun yang membinasakan hayat.

Agama yang benar ialah zat kimia yang apabila dicampurkan ke dalam ibadah nescaya akan mengangkat tuan terbang tinggi mengetahui Allah dan apabila dicampurkan ke dalam amal-amal keduniaan nescaya akan memudahkan segala yang sukar dan memikirkan segala halangan serta menyampaikan kepada tujuan walau jauh dan payah sekalipun.

Agama yang benar ialah perkara yang didapat oleh orang-orang yang berjaya dan ialah benda yang hilang daripada orang-orang yang hampa dan kecewa.

Agama yang benar adalah ibarat karan elektrik yang apabila dipasangkan kepada roda yang besar nescaya ligat berputar dan apabila ditarik daripadanya berhentilah ia.

Agama yang benar ialah yang mendorong penganutnya untuk hidup dan berjuang kerananya, manakala agama tiruan itu pula ialah yang mendorong penganutnya untuk hidup memperniaga dan bertopengkan dia.

Agama yang benar ialah yang menjadikan seseorang itu mengatasi kuasa dan siasah, manakala agama tiruan itu pula ialah yang mendorong penganutnya memutarbelitkan agama bagi menjadi alat pemerintah dan perkakas politik.

Agama yang benar ialah yang menyerap dalam daging darah

dan batin, dan yang menimbulkan kemarahan untuk mempertahankan kebenaran serta membencikan kezaliman dan menjadikan seseorang itu redha mati kerana keadilan tetapi agama tiruan adalah hanya serban besar, hujah sebah serbih dan pakaian yang indah gemilang.

Mati syahid di dalam pengertian agama yang benar ialah sebagaimana firman Allah: “*inna Allāh iṣhtarā min al-muḥminīn anfusahum wa amwālāhūm bi anna lahum al-jannat yuqātilūn fī sabīl Allāh fā yaqtulūn wa yuqatalūn.*” Ertinya: “Bahawa sesungguhnya Tuhan telah membeli daripada orang-orang mukmin akan diri dan harta benda mereka. Bahawa balasannya ialah syurga. Mereka itu berperang pada jalan Allah lalu membunuh dan dibunuh.”

Mati syahid di dalam pengertian agama tiruan ialah meng-Arab-kan suatu ayat, menghuraikan suatu matan, dan mentafsirkan suatu syarah serta mengarahkan suatu khasiyah dan membetulkan pula seorang alim serta menolah iktiradnya.

Agama yang benar ialah memperelok perhubungan manusia dengan Tuhan, memperbaiki perhubungan di antara manusia sesama sendiri supaya akan eloklah perhubungan sekaliannya dengan Allah.

Agama tiruan ialah memperelok perhubungan penganutnya dengan seseorang lain dengan tujuan hendak menyedut kekayaan atau hendak mencari nama atau mencari keuntungan dan menolak kerugian.

Bahawa sesungguhnya benarlah orang yang berkata: Bahawa tidak boleh diperbaiki orang yang kemudian melainkan dengan jalan yang didengannya orang dahulu menjadi baik. Bukankah dahulu agama itu ialah yang membersihkan jiwa dan sekarang ia telah menjadi agama tiruan.

Keadaan iman itu ialah ibarat keadaan “cinta”



Tiga orang kuat Partai Sarekat Islam Indonesia. Di kiri Anuar Tjokoaminoto Menteri Sosial Indonesia (anak almarhum Hadji Oemar Said Tjokroaminoto pengasas pertubuhan itu) di kanan sekali Ruji Kurta negara wakil ketua parliment Indonesia - Gambar Airpost

yang boleh menjadikan benda sejuk itu panas membakar dan menjadikan yang beku kaku itu hidup lagi cergas serta menjadikan kecemerlang itu baik dan indah.

Iman yang benar itu adalah ibarat tongkat sakti, yang apabila ia mengenai sesuatu yang tidak bernyawa nescaya hiduplah ia dan apabila mengenai dia yang keras pejal nescaya hancur luluhlah ia.

Siapakah gerangan yang sudi mengambil agama tiruan itu dan segala isi kandungnya daripada saya dan menuarkannya dengan agama yang benar dan bermutu tinggi itu?

Tidak ada sekali-kali makanan yang dimakan oleh seorang lebih baik daripada ia makan daripada usaha tangannya, dan sesungguhnya Nabi Allah Daud telah makan daripada usaha tangannya (maksud hadis riwayat Bukhārī).

* * *

Jangan engkau duduk di antara dua orang melainkan dengan izin keduanya (maksud hadis riwayat Abū Dāwūd).